

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS**  
**DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL**  
**MERANGKAP TUANKU CANSELOR UniMAP**  
**SEMPENA SIDANG KELIMA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-13**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**  
**BERTEMPAT DI DEWAN ILMU, UniMAP PAUH PUTRA**  
**PADA 29 OKTOBER 2018, JAM 09.00 PAGI**

---

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

*“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”*  
serta - *‘Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP’*.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Aza Wajalla, kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya juga, maka dapatlah kita bersama-sama di pagi yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Pertama sekali, tahniah diucapkan kepada semua graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dan anda semua diberi penghormatan untuk menaiki pentas ini bagi menerima ijazah masing-masing.

Setinggi tahniah juga diucapkan kepada para ibu bapa, waris, penjaga dan seisi keluarga yang telah memberikan sepenuh dorongan dan perhatian kepada semua graduan dalam memastikan kejayaan mereka pada hari ini.

Para graduan sekalian,

Pembangunan ekonomi merupakan agenda yang cukup penting bagi meneruskan kehidupan selepas ini kerana dengan kukuhnya ekonomi seseorang individu akan menyebabkan kehidupan lebih tersusun dan terjamin. Oleh itu, kemajuan dan pertumbuhan ekonomi perlulah dilihat sebagai satu acuan yang berhubung kait dengan keperluan kehidupan seperti keperluan peningkatan sahsiah diri, perkembangan keluarga dan keperluan lahiriah.

Berdasarkan Laporan Ekonomi Bank Negara Malaysia, purata pendapatan bulanan isi rumah dalam kumpulan pendapatan 40% terendah telah

menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak 6% setahun antara tahun 2014 dengan tahun 2016.

Namun begitu, bagi sesetengah isi rumah, kos sara hidup yang semakin tinggi menyebabkan kebanyakan golongan belia berusia 18 hingga 35 tahun menjadi tertekan dan menyumbang kepada kegagalan menguruskan kewangan dengan baik. Hal ini akhirnya meningkatkan risiko keberhutangan yang tinggi dan menjadi faktor penyumbang seseorang itu menjadi muflis.

Justeru, adalah penting untuk para graduan agar berbelanja mengikut keutamaan, kemampuan dan tidak membazir serta mengawal nafsu agar tidak berbelanja berlebihan dan sentiasa bersederhanalah dalam semua perkara.

Atas dasar itu, suka Saya nasihatkan para graduan agar:

**Pertama - Tidak Berbelanja Di Luar Kemampuan Diri.**

Mempunyai wang gaji sendiri pastinya menjanjikan kehidupan lebih indah. Kesilapan utama ialah apabila berhutang lebih 60% daripada pendapatan. Rancanglah perbelanjaan dengan bijak dan berjimatlah terutama perkara-perkara yang tidak penting.

**Kedua - Menabunglah Seawal Mungkin.**

Hasil kajian oleh sebuah bank iaitu *First Direct* di United Kingdom mendapati 66% golongan belia negara itu terus bergantung hidup dengan ibu bapa atau keluarga mereka terutama apabila melibatkan soal kewangan. Tinjauan melibatkan 2,000 responden berusia 18 hingga 32 tahun menyatakan 43% responden masih mengharapkan kewangan ibu bapa untuk menjelaskan hutang mereka. Lebih mengejutkan, 19% responden mengaku amalan penjimatan bukan keutamaan mereka kerana sumber kewangan yang stabil datangnya daripada ibu bapa, serta

**Ketiga - Jadilah Anak Yang Berbakti Kepada Ibu Bapa.**

Tidak salah untuk ibu bapa menghulurkan bantuan, tetapi tidak ‘manis’ apabila anak-anak yang telah berkerjaya terus menerus ‘membebankan’ ibu bapa terutama apabila perlu menanggung hutang yang dibuat anak-anak di atas sikap ingin hidup bergaya.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, terima kasih kepada Pengerusi serta semua Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor dan seluruh warga UniMAP serta semua pihak yang menjayakan Istiadat Konvokesyen Kali Ke-13 ini.

Saya dan Tuanku Pro-Canselor berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberkati majlis ini dan melindungi perjalanan sekalian hadirin ketika pulang ke destinasi asal masing-masing, InsyaAllah.

*Dari Arau ke Titi Tinggi,*

*Tujuan membeli ikan sembilang,*

*Graduan berilmu martabatnya tinggi,*

*Aset terpenting negara gemilang.*

*Mangga muda dibuat kerabu,*

*Dicampur pula santan kelapa,*

*Keringat si bapa kasih si ibu,*

*Jangan graduan mudah terlupa.*

Dengan ini, Saya menangguhkan 'Sidang Kelima Bagi Istiadat Konvokesyen Ke-13 UniMAP, Tahun 2018'.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.